

K I S I A H

PEJUANG KANSER

“Sembilan Tahun Penuh Bahagia”

Mempunyai sejarah keluarga yang menghidap kanser dan pengalaman beliau sebagai Penerbit Rancangan Kesihatan di Jabatan Penyiaran Malaysia membuatkan Puan Wan Hanisah, 62, sedar betapa pentingnya pengesanan awal kanser dan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Apabila Wan menyedari terdapat benjolan pada kawasan sekitar payudara, beliau segera menjalani saringan mamogram dan seterusnya biopsi di hospital awam sebelum didiagnos sebagai pesakit kanser payudara 9 tahun yang lalu.

“Pakar perubatan mencadangkan supaya saya menjalani pembedahan lumpektomi kerana saiz benjolan yang masih kecil dan dikesan pada tahap yang awal. Tambahan pula, benjolan itu hanya terdapat pada satu lokasi sahaja,” jelas Wan dengan yakin ketika diminta menceritakan tentang rawatan yang beliau jalani.

Seperti kebanyakan pesakit kanser yang lain, Wan turut melakukan rawatan kemoterapi dan radioterapi.

Menjalani rawatan kemoterapi sememangnya akan memberi kesan sampingan kepada pesakit.

Namun, Wan berasa bersyukur kerana beliau tidak mengalami kesan sampingan yang teruk selain loya dan hilang selera makan.

“Untuk mengatasi kesan sampingan tersebut, saya banyakkann memakan buah strawberi dan makanan yang masam,” kongsi beliau yang lebih selesa makan di dalam gelap dan berseorangan ketika tempoh rawatan kemoterapi.

Sebagai pesakit kanser yang baharu didiagnos, Wan mengalami keraguan tentang makanan yang sepatutnya dimakan dan dielak.

Akibatnya, Wan mengalami masalah penurunan berat badan yang mendadak sehingga perlu menjalani white cell therapy. Namun, pertemuan beliau dengan pasukan survivor dari sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di Kuala Lumpur menamatkan segala teka-teki dan persoalan tentang pemakanan yang bersarang di mindanya.

“Bermula daripada pertemuan itu, ia seakan satu titik perubahan dalam hidup saya”

Saya dan rakan-rakan survivor banyak berkongsi pengalaman dan ilmu tentang pemakanan dan penjagaan kesihatan sehingga saya kembali sihat dan bertenaga”, jelas Wan yang mengakui turut mendapat sokongan maklumat dan sosial daripada pusat sumber kanser di salah sebuah hospital awam.

Menurut Wan lagi, pusat sumber kanser juga telah menemukan beliau dengan rakan-rakan survivor yang lain. Beliau yang sangat gemar membaca menggunakan sepenuhnya bahan bacaan yang terdapat di pusat sumber tersebut untuk dijadikan panduan dan motivasi diri dalam menjalani kehidupan bersama kanser.

“Saya rasa jatuh cinta dengan pusat sumber kanser tersebut kerana di dalamnya terdapat banyak bahan bacaan.



Wan Hanisah Wan Omar

“Pentingnya pengesanan awal kanser dan pemeriksaan kesihatan secara berkala”

“Mempunyai minat yang tinggi sejak dulu dan hingga kini masih aktif dalam aktiviti sukarelawan”

“Kami bergelak ketawa, bertukar-tukar pendapat, berkongsi ilmu baharu dan yang paling penting saya mendapat aura positif daripada kawan-kawan “

September 2016

"Pusat sumber kanser juga merupakan penghubung antara saya dan pakar perubatan di hospital"

Di situ juga terdapat jururawat yang sudi membantu dan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pesakit seperti saya. Saya rasa sangat dihargai," cerita Wan yang kini memberi khidmat secara sukarela kepada pesakit kanser yang lain setelah mengenali Persatuan KanWork di pusat sumber kanser tersebut.

Berkat sokongan daripada keluarga, adik beradik, rakan survivor dan jiran tetangga, Wan kini masih aktif menjalankan aktiviti-aktiviti sukarelawan terutamanya melawat pesakit di hospital dan memberi sokongan kepada pesakit dan ahli keluarga mereka selain melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kesedaran untuk orang awam. Sehingga pada tahun 2010, beliau diuji sekali lagi apabila suaminya jatuh sakit. Sebagai seorang isteri, Wan lebih banyak memberi tumpuan untuk menjaga dan menguruskan suaminya.

Tumpuan tersebut sedikit sebanyak membuatkan aktiviti sukarelawan beliau terbatas. Wan terpaksa mengurangkan aktiviti sukarelawan tersebut dan memberi sepenuh perhatian kepada suaminya.

Jauh di sudut hati, Wan rindu benar dengan aktiviti sukarelawanannya itu.

Masa menjadi salah satu cabaran kepada Wan pada ketika itu kerana beliau perlu membahagikan masa antara menjaga suami dan aktiviti sukarelawan tersebut. Dengan izin suami, beliau meluangkan masa pada hujung minggu untuk melawat pesakit kanser di hospital. Anak-anak bergilir membantu di hujung minggu menemani bapa mereka. Penglibatan Wan sebagai sukarelawan sekitar tahun 2014 hingga 2015 semakin kurang kerana suaminya memerlukan tumpuan yang tinggi dari segi penjagaan kesihatan yang rapi di rumah.

Namun begitu, disebabkan rasa cinta yang mendalam terhadap aktiviti sukarelawanannya itu, beliau masih gigih meneruskan aktiviti lawatan pesakit di rumah dan hospital yang berdekatan dengan rumah beliau.

Sebagai alternatif juga, Wan turut menjalankan sesi sokongan bersama pesakit melalui panggilan telefon. Betapa besarnya pengorbanan yang dilakukan oleh beliau.

Ketika diri sendiri diuji dengan pelbagai cabaran, beliau masih mampu membahagiakan kehidupan pesakit kanser yang lain dengan memberi sokongan emosi dan bantuan kepada mereka yang senasib dengannya.

"Diri saya ini hanyalah pinjaman oleh Allah s.w.t. di dunia"



Saya insan terpilih yang telah dipinjamkan ke dunia ini untuk membantu wanita di luar sana melalui perkongsian maklumat dan pengalaman dengan mereka tentang kanser," ujar beliau yang menghadapi pemergian suaminya pada tahun 2015 dengan redha.

Jika dilihat pada rekod, Wan mempunyai minat yang tinggi sejak dulu dan hingga kini masih aktif dalam aktiviti sukarelawan.

Ketika ditanya tentang pendorong beliau dalam aktiviti ini, beliau menjelaskan bahawa segala penat lelahnya berbaloi apabila pesakit yang dilawati berinteraksi secara positif dan menghargai beliau semasa sesi lawatan dijalankan. Wan juga berasa gembira dan seronok setiap kali berjumpa rakan-rakan survivor yang lain.

"Apabila berjumpa kawan-kawan, saya rasa sungguh teruja. Kami bergelak ketawa, bertukar-tukar pendapat, berkongsi ilmu baharu dan yang paling penting saya mendapat aura positif daripada kawan-kawan yang saya jumpa. Disebabkan itu, saya selalu menantikan perjumpaan yang seterusnya," tambah Wan dengan senyum yang lebar.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah lembutnya itu. Bagi Wan, untuk menjadi seorang sukarelawan, aktiviti yang diceburi itu haruslah dekat di hati. Yang paling menjadi keutamaan adalah nilai komitmen dalam diri supaya aktiviti yang dijalankan tidak menjadi seperti kata pepatah hangat-hangat tahi ayam.

Itulah pesanan daripada Wan kepada sukarelawan baharu yang dapat menjadi pelapis kepadanya akan datang.

